

10 JUN 2002

Mahathir-Wang/I

M'SIA DIBERI JAMINAN KERJASAMA SWITZERLAND DALAM MENGESAN WANG HARAM

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

BERN, 10 Jun (Bernama) -- Kerajaan Switzerland telah memberikan jaminan kepada Malaysia untuk bekerjasama penuh dalam memudahkan penyiasatan wang haram yang disembunyikan dalam sistem perbankan Switzerland, kata Datuk Seri Dr Mahathir hari ini.

Beliau berkata ini akan membantu Malaysia dalam penyiasatannya terhadap aktiviti jenayah kewangan dan terutamanya kes Perwaja yang kononnya beberapa dananya telah dimasukkan ke dalam bank-bank di Switzerland.

Bercakap pada sidang media bersama dengan Presiden Switzerland Kaspar Villiger selepas perjumpaan delegasi antara kedua-dua kerajaan di Manor Lohn di sini, Perdana Menteri berkata kerajaan Switzerland menjelaskan bahawa kerjasama seumpama itu tidak akan menjejaskan peraturan kerahsiaan akta perbankannya dan ia tidak akan menyokong sebarang penggunaan jenayah dalam sistem perbankan Switzerland.

"Kerajaan Switzerland telah memberikan jaminan bahawa dana-dana yang diperolehi dengan cara haram tidak terikat dengan akta rahsia undang-undang perbankan negara itu," katanya.

Hari ini adalah hari kedua Dr Mahathir berada di sini dalam rangka lawatan tiga hari beliau ke Switzerland.

Presiden Villiger mengesahkan pada sidang media itu bahawa kerajaannya akan membenarkan penyiasatan kes-kes yang disyaki penipuan wang atau sebarang wang yang diperolehi secara haram yang disembunyikan dalam sistem perbankan Switzerland.

Kepada satu soalan sama ada kerajaan Switzerland akan menggugurkan peruntukan kerahsiaan dalam sistem perbankannya, Villiger berkata ia tidak dapat dikuatkuasakan secara mutlak.

Beliau berkata sistem seumpama itu telah diguna pakai di Switzerland sejak 30 tahun lepas dan ia pastinya akan sukar untuk mendapatkan persetujuan dalam kerajaan dan rakyat mengenai perkara itu.

"Ia adalah risiko yang sukar. Saya rasa rakyat Switzerland lebih suka menukar menteri kewangan mereka daripada menukar peraturan perbankan mereka," kata Villiger yang juga adalah Menteri Kewangan Switzerland.

Dr Mahathir juga berkata bahawa Malaysia telah bersetuju untuk membuka semula kedutaannya di sini selepas menutupnya pada Oktober 1993.

Perdana Menteri berkata kini perlu untuk membuka semula kedutaan itu ekoran hubungan diplomatik dan perdagangan yang semakin memuncak dengan Switzerland.

Beliau berkata dua lagi isu yang dibincangkan pada perjumpaan itu ialah Bruno Manser, warga Switzerland yang didakwa memperjuangkan hak asasi kaum nomad Penan di Sarawak dan keanggotaan Majlis Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), dengan Malaysia dan Switzerland memohon untuk menjadi anggotanya.

Katanya Malaysia telah menjelaskan kepada kerajaan Switzerland bahawa Manser telah memasuki Malaysia secara haram dan mustahil untuk mengesan di mana beliau berada.

Dr Mahathir berkata usaha untuk mengesannya telah gagal dan pihak berkuasa tidak dapat mengesahkan sama ada Manser masih hidup ataupun sudah mati di Malaysia.

Namun mereka yang bekerjasama dengannya atau yang pernah mempunyai hubungan dengannya telah menyerahkan barangan miliknya kepada kerajaan yang telahpun menyerahkannya kepada kerajaan Switzerland untuk diserahkan kepada keluarganya, kata beliau.

Presiden Villiger berkata beliau dan Dr Mahathir juga bertukar-tukar

pandangan mengenai isu keganasan dan pelbagai isu antarabangsa lain termasuk konflik Palestin-Israel.

Villiger berkata beliau bersetuju dengan pendirian Dr Mahathir bahawa perlu ada usaha antarabangsa dalam memerangi keganasan dan juga dengan pendapatnya bahawa punca keganasan juga perlu dikaji.

Dr Mahathir kemudian kembali ke Zurich, kira-kira 130km dari sini, dengan kereta api laju.

Sebelum itu, Perdana Menteri melawat kilang Sauber Petronas Engineering AG di Hinwil, dan di sana beliau telah diberi taklimat mengenai perkembangan program enjin automobil Petronas.

Di situ, Dr Mahathir bertemu 16 jurutera muda Petronas yang dipertanggungjawabkan dengan tugas membangunkan automobil Malaysia sendiri, dengan Petronas berharap dapat melakukan pengeluaran komersil menjelang 2004.

-- BERNAMA
MFJ AKT RHM